



UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

**AMALAN PENGURUSAN RANCANGAN MAKANAN
TAMBAHAN DI SEKOLAH RENDAH
NEGERI SEMBILAN
MALAYSIA**

MD.RAZALI BIN MD.YUSOFF

FPP 2008 7



**AMALAN PENGURUSAN RANCANGAN MAKANAN
TAMBAHAN DI SEKOLAH RENDAH
NEGERI SEMBILAN
MALAYSIA**

Oleh

MD.RAZALI BIN MD.YUSOFF

**Tesis Ini Dikemukakan Kepada Sekolah Pengajian Siswazah,
Universiti Putra Malaysia, Bagi Memenuhi Keperluan Untuk Ijazah
Master Sains**

Mac 2008



Abstrak tesis ini dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia sebagai keperluan untuk Ijazah Master Sains

**AMALAN PENGURUSAN RANCANGAN MAKANAN TAMBAHAN
DI SEKOLAH RENDAH , NEGERI SEMBILAN, MALAYSIA**

Oleh

MD.RAZALI BIN MD.YUSOFF

Pengerusi : Profesor Datin Sharifah binti Md. Nor, PhD

Fakulti : Pengajian Pendidikan

Tujuan kajian ini dijalankan adalah untuk melihat profil guru penyelaras RMT dan sejauh mana perkaitan pengetahuan, pengalaman menjadi guru penyelaras RMT, kehadiran guru dalam taklimat atau latihan RMT serta beban tugas guru dengan pelaksanaan pengurusan RMT.

Seratus empat puluh orang guru penyelaras RMT dari sekolah rendah di Negeri Sembilan dipilih sebagai responden dalam kajian ini. Pemilihan sampel dilakukan dengan menggunakan kaedah rawak berlapis. Alat kajian yang digunakan adalah soal selidik yang merangkumi profil responden, pengetahuan guru terhadap pengurusan RMT dan pelaksanaan pengurusan RMT. Kebolehpercayaan alat kajian untuk bahagian pengetahuan dan bahagian pengurusan adalah 0.859 dan 0.949 masing-masing. Kesahan kandungan soal selidik telah dianalisis oleh tiga orang pakar.

Majoriti responden adalah guru perempuan, berbangsa Melayu, berumur di bawah 40 tahun, berkelulusan SPM, mempunyai pengalaman mengajar kurang dari 20 tahun dan pengalaman menjadi guru penyelaras RMT kurang dari lima tahun, mempunyai tanggung jawab mengajar antara 21 hingga 30 waktu seminggu, memperuntukkan

masa penyeliaan RMT kurang dari 3 jam seminggu dan menyandang satu hingga dua jawatan lain. Majoriti responden tidak pernah menghadiri latihan atau taklimat tetapi memiliki buku panduan pengurusan RMT serta menyatakan sumber pengetahuan pengurusan RMT yang utama adalah buku. Tahap pengetahuan guru berkenaan pengurusan RMT adalah sederhana ($M = 18.4$, $SD = 3.4$) dan Tahap pelaksanaan pengurusan RMT adalah cemerlang ($M = 3.9$, $SD = 0.5$). Dapatan menunjukkan terdapat perkaitan positif yang lemah antara faktor pengetahuan pengurusan RMT ($r = 0.181$, $p = 0.032$) dan beban tugas guru dari aspek jam penyeliaan RMT ($r = 0.267$, $p = 0.001$) dengan pelaksanaan pengurusan RMT. Namun, tiada sebarang perkaitan antara faktor pengalaman guru sebagai penyelaras RMT ($r = 0.121$, $p = 0.153$), kehadiran guru dalam latihan ($r = 0.120$, $p = 0.158$), beban tugas guru dari aspek jumlah waktu pengajaran ($r = 0.039$, $p = 0.644$) dan beban tugas guru dari aspek jawatan lain dengan pelaksanaan pengurusan RMT ($r = 0.071$, $p = 0.407$). Dari segi perbandingan pelaksanaan pengurusan RMT, sekolah jenis kebangsaan mempunyai pelaksanaan pengurusan RMT yang lebih baik dari sekolah kebangsaan. ($t = 3.451$, $df = 138$, $p < 0.05$).

Kesimpulannya, walaupun pelaksanaan pengurusan RMT adalah cemerlang, namun kedapatan sekolah yang tidak mengamalkan prosedur yang betul disebabkan ketiadaan garis panduan piawai berkenaan pelaksanaan pengurusan RMT, maka satu piawaian perlu dijadikan akta dan dilaksanakan agar setiap pelaksanaan wajib mematuhi prosedur piawai yang ditetapkan selain mewajibkan setiap guru mengikuti latihan yang sewajarnya.

Abstract of thesis presented to the Senate of Universiti Petra Malaysia in fulfilment of the requirements for the degree of Master of Science

**FOOD SUPPLEMENTARY PROGRAMMES MANAGEMENT PRACTICE
IN PRIMARY SCHOOL IN NEGERI SEMBILAN, MALAYSIA**

By

MD.RAZALI BIN MD.YUSOFF

Chairman : Professor Datin Sharifah binti Md. Nor, PhD

Faculty : Educational Studies

The purpose of the research is to determine the profiles of the Food Supplementary Program (RMT) teachers and to find the relationships between their knowledge, experiences, training and workload factors with the implementation of RMT management

A total of one hundred forty teachers from selected primary schools in Negeri Sembilan have been chosen to participate in this study. The selection of the respondents was made through a stratified random sampling technique. The instruments used in the study were teachers' profile questionnaires, RMT management knowledge questionnaires and RMT management implementation questionnaires. The reliability of these instruments is 0.859 dan 0.949 respectively. The analysis of the content validity had been established by three experts.

Majority of the respondents in the study were female teachers, age below 40 years old, Malays, with at least SPM qualification, with below twenty years of teaching experiences and have less than five years experiences in managing the RMT Program. Majority of them are also have the teaching workload between 21 to 30 periods per week, spending less than three hours a week in managing the RMT

program and have one to two portfolios. Majority of the respondents have never attended any course on RMT and only a few were supplied with the RMT management manual.

The level of teachers' knowledge was at intermediate level ($M = 18.4$, $SD = 3.4$) and the level of the RMT management implementation was at excellent level ($M = 3.9$, $SD = 0.5$). The findings showed a positive but no significant relationship between teachers' knowledge and the RMT management implementation ($r = 0.181$, $p = 0.032$). However, there was no significant relationship between teachers' workload, teachers' experiences with the RMT management implementation. The findings show that from the aspect of the RMT management implementation, the SJK schools have better RMT management implementation than SK school. ($t = 3.451$, $df = 138$, $p < 0.05$).

In conclusion, although the RMT management implementation is at excellent level, there were some schools did not follow the correct procedure. It was due to the lack of standard procedures required. Therefore, the standard procedures of managing the Food Supplementary Program should be made compulsory as an act and implemented in all schools. Besides, all the selected teachers should undergo the appropriate training on how to manage the program based on an act provided.

PENGHARGAAN

Alhamdulillah, saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat dalam memberi bantuan, kerja sama, bimbingan dan dorongan yang berterusan sehingga saya berjaya menyiapkan tesis ini.

Sekalung ucapan terima kasih ditujukan kepada Prof. Datin Dr. Sharifah bt Md Nor, selaku pengerusi Jawatankuasa Penyeliaan dan ahli jawatan kuasa yang lain, iaitu Prof. Dr. Haji Azimi b Hj Hamzah dan Dr. Shamsuddin b Ahmad yang tidak jemu-jemu membekalkan segala tunjuk ajar, idea, bimbingan dan nasihat di sepanjang pengajian saya.

Saya juga ingin merakamkan penghargaan kepada En.Ramli bin Amin, Pegawai di Unit Kesihatan Sekolah, Bahagian Sekolah-sekolah, Kementerian Pelajaran Malaysia, En. Onn bin Haji Ibrahim, Penyelia Hal Ehwal Murid (HEM) Pejabat Pelajaran Daerah Sepang dan En.Yahya bin Rashid, Penyelia Kanan Kesihatan di Jabatan Pelajaran Negeri Sembilan. Ucapan penghargaan ini turut ditujukan kepada semua guru besar dan guru penyelaras RMT di sekolah rendah, Negeri Sembilan yang telah memberikan kerja sama untuk menjawab soal selidik yang diedarkan.

Akhir kata, saya ingin menzahirkan ucapan terima kasih kepada isteri tercinta dan anak-anak saya tersayang yang sentiasa mendoakan kejayaan saya dalam usaha menyiapkan tesis ini. Semoga Allah membalas segala kebaikan yang diberikan.

LEMBARAN PENGESAHAN

Saya mengesahkan bahawa Jawatankuasa Pemeriksa bagi **Md.Razali bin Md.Yusoff** telah mengadakan pemeriksaan akhir pada **7 Mac 2008** untuk menilai tesis **Master Sains** yang bertajuk “**Amalan Pengurusan Rancangan Makanan Tambahan di Sekolah Rendah, Negeri Sembilan**” mengikut Akta Universiti Putera Malaysia (Ijazah Lanjutan) 1980 dan Peraturan universiti Putera Malaysia (Ijazah Lanjutan) 1981. Jawatankuasa Pemeriksa memperakukan bahawa calon ini layak untuk dianugerahkan ijazah tersebut. Anggota Jawatankuasa pemeriksaan calon adalah seperti berikut:

Prof. Zaidatul Akmaliah Lope Pihie, PhD

Fakulti Pengajian Pendidikan
Universiti Putra Malaysia
(Pengerusi)

Roselan Baki, PhD

Fakulti Pengajian Pendidikan
Universiti Putra Malaysia
(Pemeriksa Dalaman)

Norhasni Zainal Abidin, PhD

Fakulti Pengajian Pendidikan
Universiti Putra Malaysia
(Pemeriksa Dalaman)

Prof. Dimbab Ngidang, PhD

Fakulti Sains Sosial
Universiti Malaysia Sarawak
(Pemeriksa Luar)

HASANAH MOHD GHAZALI, PhD

Profesor/ Timbalan Dekan
Sekolah Pengajian Siswazah
Universiti Putra Malaysia

Tarikh:



Tesis ini telah dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia dan telah diterima sebagai memenuhi syarat keperluan untuk Ijazah Master Sains. Anggota Jawatankuasa Penyeliaan adalah seperti berikut:

Datin Sharifah bt Md Nor, PhD

Profesor
Fakulti Pengajian Pendidikan
Universiti Putra Malaysia
(Pengerusi)

Azimi b Hj Hamzah, PhD

Profesor
Fakulti Pengajian Pendidikan
Universiti Putra Malaysia
(Ahli)

Shamsuddin b Ahmad, PhD

Fakulti Pengajian Pendidikan
Universiti Putra Malaysia
(Ahli)

AINI IDERIS, PhD

Profesor dan Dekan
Sekolah Pengajian Siswazah
Universiti Putra Malaysia

Tarikh: 11 September 2008

PERAKUAN

Saya memperakui bahawa tesis ini adalah hasil kerja saya yang asli melainkan petikan dan sedutan yang tiap-tiap satunya telah dijelaskan sumbernya. Saya juga memperakui bahawa tesis ini tidak pernah dimajukan sebelum ini, dan tidak dimajukan serentak dengan ini, untuk ijazah lain sama ada di Universiti Putra Malaysia atau di institusi lain.

MD.RAZALI BIN MD.YUSOFF

Tarikh:

JADUAL KANDUNGAN

	Halaman
ABSTRAK	ii
ABSTRACT	iv
PENGHARGAAN	vi
LEMBARAN PENGESAHAN	vii
PERAKUAN	ix
SENARAI JADUAL	xiv
SENARAI RAJAH	xvi
SENARAI SINGKATAN	xvii

BAB

I PENGENALAN

Konteks Permasalahan	1
Latar Belakang Kajian	2
Program RMT	3
Pengurusan Program RMT	4
Perkaitan Antara Pendidikan Pengembangan Dan Guru Dalam Pelaksanaan Pengurusan RMT	8
Pernyataan Masalah	12
Objektif Kajian	13
Soalan Kajian	14
Kepentingan Kajian	14
Skop dan Batasan Kajian	15
Definisi Operasional	16

II TINJAUAN LITERATUR

Pengenalan	19
Sejarah Perkembangan Dan Perluasan RMT	19
Pengurusan RMT	20
Pengurusan Peringkat Pusat	25
Pengurusan Peringkat Negeri	25
Pengurusan Peringkat Daerah	26
Pengurusan Peringkat Sekolah	26
Pelaksanaan Pengurusan RMT	27
Aspek Mendidik Dalam RMT	27
Aspek Kebersihan Makanan dan Sanitasi RMT	30
Aspek Pengurusan Dalam RMT	31
Ciri-ciri Guru Penyelaras RMT	33
Peranan dan Tanggungjawab Guru	36
Faktor-Faktor Berkaitan Pelaksanaan Pengurusan RMT	39
Pengetahuan	39
Pengalaman	41
Latihan	43
Beban Tugas Guru	46



Model Perencanaan Program	49
Model Boone	52
Pelaksanaan Pengurusan RMT	58
Kerangka Konseptual Kajian	63
Kesimpulan	63
III METODOLOGI KAJIAN	
Pengenalan	65
Reka bentuk Kajian	65
Lokasi Kajian	66
Sekolah Kajian	66
Populasi Kajian	66
Sampel Kajian	66
Prosedur Pemilihan Sampel Kajian	67
Instrumen Kajian	68
Bahagian A	69
Bahagian B	69
Bahagian C	69
Kesahan Instrumen Kajian	70
Kebolehpercayaan Instrumen Kajian	70
Ujian Rintis	71
Pengumpulan Data	72
Analisis Data	72
Analisis Statistik Deskriptif	73
Analisis Statistik Inferensi	73
Penentuan Tahap Pengetahuan Pengurusan RMT	73
Penentuan Tahap Pelaksanaan Pengurusan RMT	74
IV DAPATAN KAJIAN	
Pengenalan	77
Profil Responden Kajian	77
Jenis sekolah	77
Jantina	78
Bangsa	78
Umur	79
Pengalaman Mengajar	80
Pengalaman Sebagai Guru RMT	80
Kelulusan Akademik	81
Waktu Pengajaran	81
Penyeliaan RMT	82
Bilangan Jawatan Lain	83
Kehadiran Dalam Latihan	83
Pembekalan Buku Panduan Pengurusan	84
Sumber Pengetahuan Pengurusan RMT	84
Tahap Pengetahuan Pengurusan RMT	85
Analisa Kajian Item-item Soal Selidik Pengetahuan Mengikut Kategori	86
Pengetahuan Pengurusan RMT	86

Pengetahuan Kebersihan dan Keselamatan Makanan	87
Pengetahuan Pemakanan	88
Tahap Pelaksanaan Pengurusan RMT	89
Analisa Kajian Item Soal Selidik Pelaksanaan Pengurusan RMT	
Mengikut Kategori	91
Pelaksanaan Aspek Mendidik	91
Pelaksanaan Aspek Kebersihan dan Keselamatan Makanan	93
Pelaksanaan Aspek Pengurusan RMT	94
Perkaitan Antara Faktor Terpilih Dan Tahap Pelaksanaan Pengurusan RMT	96
Perbezaan Tahap Pelaksanaan Pengurusan RMT Di Antara Sekolah Kebangsaan Dan Sekolah Jenis Kebangsaan	97
Perbezaan Jam Penyeliaan Pengurusan RMT Antara Sekolah Kebangsaan Dan Sekolah Jenis Kebangsaan	98
Ringkasan	98

V RINGKASAN,PERBINCANGAN, KESIMPULAN, IMPLIKASI DAN CADANGAN

Ringkasan Kajian	100
Pernyataan Masalah	100
Objektif Kajian	101
Metodologi Kajian	101
Profil responden	101
Tahap Pengetahuan Responden	102
Tahap Pelaksanaan Pengurusan RMT	102
Perkaitan Antara Pengetahuan Guru Dengan Pelaksanaan Pengurusan RMT Di Sekolah	102
Perkaitan Antara Bilangan Tahun Menanggung Tugas Menjadi Guru RMT Dengan Pelaksanaan Pengurusan RMT di Sekolah	103
Perkaitan Antara Beban Tugas Guru Penyelaras RMT Dengan Pelaksanaan Pengurusan RMT Di Sekolah.	103
Perbezaan Tahap Pelaksanaan Pengurusan RMT Antara Sekolah Kebangsaan Dan Sekolah Jenis Kebangsaan Di Negeri Sembilan	103
Perbincangan	103
Beban Tugas	104
Pengalaman	105
Latihan	105
Pengetahuan	106
Pelaksanaan Pengurusan RMT	108
Kesimpulan	114
Implikasi dan Cadangan	115
Implikasi Praktikal	115
Implikasi Teoretikal	116
Cadangan Kajian Lanjutan	117
RUJUKAN	119
SENARAI INDIVIDU YANG DITEMU BUAL	125

Lampiran A	126
Lampiran B	133
Lampiran C	138
BIODATA PELAJAR	143



SENARAI JADUAL

Jadual	Halaman
3.1 Interpretasi tahap pengetahuan	74
3.2 Interpretasi tahap pelaksanaan pengurusan RMT	74
3.3 Ringkasan objektif dan pemilihan statistik	75
4.1 Maklumat sekolah berdasarkan jenis sekolah	78
4.2 Profil responden mengikut jantina	78
4.3 Profil responden mengikut bangsa	79
4.4 Profil responden mengikut umur	79
4.5 Profil responden mengikut pengalaman mengajar	80
4.6 Profil responden mengikut pengalaman menjadi guru RMT	81
4.7 Profil responden dari segi kelulusan akademik	81
4.8 Taburan responden dari segi jumlah waktu pengajaran	82
4.9 Profil responden dari segi jumlah waktu penyeliaan RMT	82
4.10 Profil responden dari segi jumlah jawatan selain penyelarasan RMT	83
4.11 Kehadiran dalam taklimat atau latihan RMT	83
4.12 Pembekalan buku panduan RMT	84
4.13 Profil responden dari segi sumber pengetahuan mengikut susunan	84
4.14 Taburan tahap pengetahuan pengurusan RMT	85
4.15 Min dan sisihan piawai skor pengetahuan guru dalam pengurusan RMT	85
4.16 Taburan frekuensi dan peratus skor pengetahuan pengurusan RMT	87
4.17 Taburan frekuensi dan peratus skor pengetahuan kebersihan dan keselamatan makanan	88
4.18 Taburan frekuensi dan peratus skor pengetahuan pemakanan	89
4.19 Taburan tahap pelaksanaan pengurusan RMT	90
4.20 Min dan sisihan piawai skor pelaksanaan pengurusan RMT	90
4.21 Taburan min dan sisihan piawai berkaitan pelaksanaan pengurusan RMT	91
4.22 Taburan frekuensi, peratusan, min dan sisihan piawai skor pelaksanaan pengurusan RMT dari aspek mendidik	92
4.23 Taburan frekuensi, peratusan, min dan sisihan piawai skor pelaksanaan pengurusan RMT dari aspek kebersihan dan keselamatan makanan	94
4.24 Taburan frekuensi, peratusan, min dan sisihan piawai skor pelaksanaan pengurusan RMT dari aspek pengurusan RMT	95

4.25	Perkaitan antara faktor terpilih dan tahap pelaksanaan pengurusan RMT	97
4.26	Ujian-T tidak bersandar pelaksanaan pengurusan RMT dengan jenis sekolah	97
4.27	Ujian-T tidak bersandar jam penyeliaan pengurusan RMT dengan jenis sekolah	98

SENARAI RAJAH

Rajah 1	Hierarki keperluan, objektif, pelaksanaan (strategi dan mekanisme) dan penilaian.	56
Rajah 2	Hierarki Keperluan Murid RMT	57
Rajah 3	Hierarki Objektif Dalam RMT	58
Rajah 4	Kerangka Konseptual Kajian	63

SENARAI SINGKATAN

1	ADA	American Dietetic Association
2	AMP	Amalan Makanan dan Pemakanan
3	AJK	Ahli Jawatankuasa
4	KPM	Kementerian Pelajaran Malaysia
5	LAB	Laporan Adab Belajar
6	NUTP	Kesatuan Perkhidmatan Perguruan Kebangsaan
7	PIBG	Persatuan Ibu bapa dan Guru
8	RMT	Rancangan Makanan Tambahan
9	SPM	Sijil Pelajaran Malaysia
10	STPM	Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia
11	SPPSS	Statistical Package for Social Science
12	SPBT	Skim Pinjaman Buku Teks
13	FDA	Food and Drug Administration
14	FSNE	Food Stamp Nutrition Education
15	EFNEP	Expanded Food and Nutrition Education
16	MAMPU	Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia
17	SK	Sekolah Kebangsaan
18	SJK	Sekolah Jenis Kebangsaan

BAB I

PENDAHULUAN

Konteks Permasalahan

Kementerian Pelajaran Malaysia telah mengendalikan pelbagai program untuk membantu murid mencapai satu tahap kecemerlangan dalam mengikuti pelajaran dengan lancar dan berkesan. Antara program utama yang telah dilancarkan ialah program Rancangan Makanan Tambahan (RMT). Program RMT diwujudkan untuk membantu para murid yang berasal dari keluarga miskin atau kurang berkemampuan untuk menikmati makanan tambahan secara imbuhan sebanyak 25%-33% daripada keperluan harian seorang murid. Rancangan ini merupakan satu usaha yang bersepadu dan selaras dengan usaha-usaha lain yang berkaitan dengan kesihatan murid sekolah. Walaupun program ini telah dilaksanakan lebih 30 tahun yang lampau, beberapa kelemahan telah ditemui dan berkemungkinan boleh menjejaskan pencapaian matlamat program RMT. Kajian-kajian yang telah dijalankan di beberapa buah sekolah rendah menunjukkan kebanyakan makanan yang disediakan mengandungi kandungan protein dan kalori yang rendah dan tidak mengikuti saranan Kementerian Pelajaran Malaysia, tidak selaras dengan menu yang ditetapkan dan tidak dihidangkan pada masa makan yang sesuai untuk dinikmati oleh murid (Wan et al. 1996; Mohd Sahril et al, 2000; Kandiah, 1990). Memandangkan pengurusan program RMT di peringkat sekolah diselia oleh guru sebagai penyelaras khas yang dilantik oleh pihak sekolah maka kajian perlu dijalankan untuk mengetahui kewibawaan guru dalam menguruskan program yang telah diamanahkan. Kelancaran dan kejayaan program banyak bergantung kepada perancangan yang

betul dan teliti serta faktor pelaksana program yang terlibat. Menurut Boone (1985), suatu pengurusan atau pembangunan program yang berjaya dan berkesan banyak dipengaruhi oleh faktor kewibawaan pelaksana program yang memahami objektif program yang ingin dilaksanakan.

Latar Belakang Kajian

Pelaksanaan pengambilan makanan yang berkhasiat banyak membantu murid lebih bersedia untuk belajar dengan lebih sempurna. Namun, tidak ramai murid yang berkemampuan untuk mengambil sarapan di rumah atau semasa rehat di sekolah serta atau makan tengah hari sebelum menuju ke sekolah kerana faktor kedaifan keluarga. Justeru, pihak Kementerian Pelajaran Malaysia telah mengambil daya usaha mengadakan program RMT di sekolah untuk membantu murid dari golongan tersebut agar mereka turut mendapat bekalan tenaga yang diperlukan untuk meneruskan persekolahan dengan penuh ceria dan bermakna. Pemberian makanan tambahan merupakan faktor utama yang boleh meninggalkan kesan yang mendalam terhadap pengambilan makanan seimbang kekal dalam ingatan murid. Oleh itu, guru yang dipilih sebagai ahli jawatankuasa RMT perlu mempunyai ilmu dan persediaan yang lengkap, mencukupi dan sesuai dalam mengurus program RMT dengan berkesan di sekolah masing-masing. Oleh yang demikian, kajian ini akan cuba meneliti pemboleh ubah-pemboleh ubah yang tertentu dan berkaitan dengan pelaksanaan pengurusan RMT.

Program RMT

Program RMT di sekolah merupakan satu usaha mempertingkatkan tahap pencapaian pendidikan negara yang telah diperkenalkan oleh Kementerian Pelajaran

Malaysia semenjak lebih dari 30 tahun yang lampau. Keutamaan program RMT disasarkan kepada murid sekolah rendah yang berasal daripada golongan keluarga miskin yang berpendapatan di bawah RM400.00 sebulan. Bantuan ini turut dipanjangkan kepada murid yang dikesan mengalami malnutrisi dengan pengesanan dan pengesanan pegawai perubatan yang bertauliah. Di samping itu, peluang yang sama turut diberikan kepada murid yang tinggal jauh dari sekolah untuk dipertimbangkan menyertai program RMT jika keadaan kewangan mengizinkan (Kementerian Pelajaran, 2005).

Program RMT di sekolah bukan bermaksud menggantikan makanan yang disediakan oleh ibu bapa atau penjaga murid tetapi sebagai makanan tambahan yang membekalkan 25% hingga 33% jumlah keperluan harian dari segi taraf pemakanan murid sekolah rendah. Hasil kajian yang telah dijalankan menunjukkan 15% hingga 20% murid hadir ke sekolah tanpa sarapan atau makan tengah hari dan 1/6 hingga 1/3 dari kalangan murid dikesan mengalami kelaparan tersembunyi. Selain dari itu, faktor salah pemakanan, serangan penyakit, masalah pertumbuhan badan, pencapaian pelajaran serta kelakuan penyesuaian diri menyumbang kepada rasional pelaksanaan program RMT (Kementerian Pelajaran, 2005).

Sehingga kini, purata perbelanjaan yang dikeluarkan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia untuk menjalankan program RMT di sekolah-sekolah rendah seluruh negara adalah RM200 juta setahun. Di bawah program ini, setiap murid yang menyertai program RMT diberi bantuan dalam bentuk makanan dengan kadar RM 1.20 sehari bagi sekolah di Semenanjung Malaysia, dan RM1.35 sehari bagi sekolah di Serawak, Sabah dan Wilayah Persekutuan Labuan (Kementerian Pelajaran, 2005).

Pada tahun 2006, data peserta RMT menunjukkan seramai 771 506 orang murid dari seluruh negara menerima bantuan RMT (Berita Harian, 6 Februari 2006).

Selain dari objektif am RMT seperti memberi makanan tambahan kepada murid sekolah rendah, objektif khusus RMT ialah :

1. Memberi makanan tambahan berzat dan seimbang kepada murid yang berkenaan.
2. Menyelenggarakan program pendidikan kesihatan dan pemakanan di sekolah.
3. Memupuk budaya sopan santun, disiplin, timbang rasa serta pelaksanaan-pelaksanaan yang diingini berkaitan dengan kebersihan diri, kebersihan makanan dan kebersihan alam sekitar.
4. Menggalakkan penglibatan dan penyertaan masyarakat dalam usaha sekolah.

Pengurusan Program RMT

Sehingga kini, banyak kajian telah membuktikan kejayaan program RMT kepada murid. Antaranya, Perakuan Laporan Jawatankuasa Kabinet 1979 yang telah memperakukan bahawa Rancangan Pelaksanaan Pemakanan dan Pemakanan telah dapat menghasilkan peningkatan taraf kesihatan umum, pertumbuhan tubuh badan yang tidak terencat, pengurangan serangan penyakit dan pertambahan daya pembelajaran murid maka, oleh itu, Rancangan Amalan Makanan dan Pemakanan (AMP) dan khasnya RMT akan diteruskan dan diperbaiki (Kementerian Pelajaran, 2005).

Kajian lalu telah memperlihatkan hubungan yang positif di antara pemakanan dan perkembangan diri kanak-kanak terutama terhadap fungsi otak. Contohnya, kajian terhadap kesan pemakanan terhadap fungsi otak kanak-kanak dan remaja menunjukkan pemakanan mempunyai kesan yang mendalam terhadap otak. Pengambilan protein, zat besi, iodin dan pengambilan sarapan pagi mempunyai kesan terhadap pembelajaran kanak-kanak dan tingkah laku.

Selain dari itu, pemakanan seperti asid lemak, mineral dan vitamin adalah penting dan turut dikesan mempunyai kaitan serta kesan terhadap fungsi otak. Kajian ini menunjukkan pengambilan sarapan dapat meningkatkan kesan terhadap daya pembelajaran kanak-kanak. Memenuhi keperluan nutrisi sepanjang tempoh pembesaran di kalangan kanak-kanak adalah penting dalam pembangunan tingkah laku dan daya intelek. Diet yang tidak mencukupi, bakal menyebabkan kesan negatif terhadap pembelajaran dan tingkah laku dalam banyak cara. Justeru para guru, ibu bapa patut mengambil tahu bagaimana kanak-kanak mampu terencat akibat kesan diet dan berusaha untuk mendidik mereka akan kepentingan pemakanan yang baik (Dani et al., 2005).

Kejayaan program berkait rapat dengan guru dalam pelaksanaan pengurusan RMT. Justeru, pelaksanaan pengurusan RMT perlu dilaksanakan dengan mematuhi arahan Kementerian Pelajaran Malaysia demi mendatangkan kesan yang bermakna kepada murid. Perhatian yang wajar perlu diberikan kepada aspek pelaksanaan pengurusan yang meliputi aspek pemilihan murid hingga kepada penyediaan makanan. Namun, ia perlu dikendalikan seiring dengan keperluan pendidikan yang memberikan penekanan kepada aspek kepentingan pengambilan makanan. Oleh itu, guru perlu

mempunyai kesediaan dan maklumat yang cukup dalam mengendalikan RMT terutama dari aspek mendidik murid-murid tentang pemakanan, kesihatan dan adab sopan yang sempurna. Menurut Fullan (1993), guru adalah agen perubahan yang profesional yang mampu membawa kebaikan yang diharapkan hasil dari pengajaran yang baik dan berkesan.

Pemakanan berkhasiat dan seimbang merupakan aspek yang penting dalam pertumbuhan dan perkembangan kanak-kanak. Murid sekolah rendah merupakan golongan yang berada di zaman kanak-kanak dan pemakanan yang betul semasa kanak-kanak boleh membentuk satu pola pemakanan yang sihat sepanjang hayat seseorang. Usaha mendidik pada peringkat awal berkenaan pemakanan yang sihat akan membantu kanak-kanak bijak membuat pemilihan makanan dari segi kualiti dan kuantiti yang patut diambil seterusnya menghalang pelbagai penyakit seperti diabetes, darah tinggi, lemah jantung atau pertambahan berat badan (Edge, 1976).

Para guru boleh membentuk pola pemakanan yang wajar dan melatih tabiat makan yang betul dengan menyediakan persekitaran yang kondusif dan memupuk adab makan yang betul hingga mampu mendorong murid menikmati hidangan dengan selesa dan menyeronokkan. Persekitaran fizikal ruang makan, kebersihan dan keceriaan ruang makan perlu dikekalkan agar tabiat makan yang sihat dapat diterap dalam diri murid. Contohnya, tabiat makan yang baik boleh dibentuk dengan mengamalkan adab makan yang betul. Guru memainkan peranan yang penting dalam membentuk adab makan murid, oleh itu, guru mesti makan bersama-sama murid dan berinteraksi dengan mereka sewaktu makan. Memandangkan masa yang ada amat bernilai maka peluang tersebut boleh digunakan oleh guru untuk memberi

penerangan tentang makanan, adab dan tabiat makan. Menurut Satter (1987) dalam Suriani (2003), persekitaran yang interaktif akan menggalakkan kanak-kanak untuk mencuba, menerima dan menikmati makanan dengan selesa.

Guru memikul peranan dan tanggungjawab yang berat dengan peruntukan masa yang amat terhad. Selain dari tugas hakiki iaitu mengajar, guru perlu menerapkan pengetahuan pemakanan dan kesihatan kepada murid di samping memantau penyediaan makanan yang disediakan pihak kantin atau pengusaha makanan dari segi kebersihan dan keselamatan makanan agar ia menepati menu dan mematuhi piawaian yang telah ditetapkan seperti penyediaan makanan yang seimbang, bersih, berkhasiat dan menyumbang kepada pertumbuhan yang optimum kanak-kanak (Kementerian Pelajaran Malaysia, 2005).

Sejajar dengan keperluan tersebut, pihak Kementerian Pelajaran Malaysia telah menggariskan beberapa panduan berkenaan pelaksanaan pengurusan RMT di sekolah. Antara perkara-perkara yang menjadi fokus utama adalah penerapan aspek mendidik berkenaan pemakanan, adab makan, kesihatan, penyediaan makanan yang menepati menu dan penyimpanan makanan yang wajar.

Persoalannya, sejauh manakah sejauh manakah tahap pelaksanaan pengurusan RMT diamalkan oleh guru dengan jaya di sekolah? Sehingga kini, hasil kajian-kajian yang berkaitan dengan pemakanan di sekolah-sekolah rendah di Malaysia menunjukkan makanan yang disediakan dalam program RMT di sekolah-sekolah rendah sering tidak mematuhi keperluan nutrien yang sepatutnya dibekalkan kepada murid dalam sehari dan gagal dihidangkan pada waktu yang tepat hingga mempengaruhi rasa dan